



# RASUAH RACUN MASYARAKAT

## RASUAH

Penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi.

### KESALAHAN RASUAH YANG UTAMA

- Meminta/Menerima rasuah [seksyen 16 & 17(a) Akta SPRM 2009]
- Menawar/Memberi suapan [seksyen 17 (b) Akta SPRM 2009]
- Mengemukakan tuntutan palsu [Seksyen 18 Akta SPRM 2009]
- Menggunakan jawatan/kedudukan untuk suapan pegawai badan awam [Seksyen 23 Akta SPRM 2009]

### GAGAL MELAPOR

1. Gagal melapor pemberian, janji atau tawaran rasuah  
Seksyen 25 (1) dan (2) Akta SPRM 2009
  - DENDA : Tidak lebih RM100,000
  - PENJARA : Tidak lebih 10 tahun atau kedua-duanya sekali
2. Gagal melapor permintaan atau memperoleh suapan  
Seksyen 25 (3) dan (4) Akta SPRM 2009
  - DENDA : Tidak lebih RM10,000
  - PENJARA : Tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya sekali

**PEMBERI MAKLUMAT** adalah orang yang membuat pendedahan tentang jenayah rasuah berdasarkan pengetahuannya dilindungi di bawah **Seksyen 65 Akta SPRM 2009** dan **Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010**.

**PEMBERI MAKLUMAT YANG MENJADI SAKSI** bagi sesuatu kes rasuah dilindungi di bawah **Akta Perlindungan Saksi 2009**.

## SUAPAN

Suapan boleh datang dalam pelbagai bentuk samada dalam bentuk wang, hadiah, pinjaman, fi, alang, cagar-an berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau tak alih, faedah kewangan, atau apa-apa manfaat yang seumpama seperti yang dinyatakan dalam Bahagian 1 – Permulaan, Seksyen 3, Tafsiran Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

## ADAKAH PEMBERIAN ADALAH RASUAH?

Ini adalah pemberian untuk keluarga dan rakan rakan sempena sesuatu majlis dan diharap mereka gembira menerimanya. Malangnya, ia juga mudah menjadi sebagai satu suapan bagi memuaskan sesuatu pihak sebagai ganti untuk sesuatu keuntungan peribadi. Walaupun keuntungan peribadi itu adalah bagi pihak syarikat atau mana-mana entiti lain.

Di bawah ini ada beberapa contoh:

- Hadiah perkahwinan
- Wang perayaan (ang pao)
- Hamper
- Tambang kapal terbang percuma
- Membiayai fi untuk kolej
- Ahli kelab golf
- Layanan baik (tiket opera, tiket Formula 1)
- Keraian (karaoke, makan malam yang mahal, urut)
- Bayaran balik penjagaan kesihatan
- Diskaun, ubahsuai rumah
- Perbelanjaan yang dibayar (baiki kereta, sistem stereo, alat-alat)
- Wang pelicin (facilitation payment, komisyen)  
Festival money packets (ang pao)

## RENUNGAN...

*Firman Allah SWT: "Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)" (Al-Baqarah: 188).*



## APAKAH TANDA-TANDA SESEORANG ITU TERLIBAT DENGAN GEJALA RASUAH?

- Perubahan gaya hidup (mewah) yang mendadak
- Kegagalan menjelaskan punca perolehan harta
- Panggilan telefon yang mencurigakan
- Suka menghabiskan wang dengan berjudi
- Perletakan jawatan secara tiba-tiba
- Perhubungan terlalu rapat dengan pelanggan jabatan

